

## TOPIK 13 : KATA PEMERI

### KEMAHIRAN ASPEK TATABAHASA



Soalan 1 hingga 5

A Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1 Pengerusi Persatuan Bahasa Melayu yang baharu \_\_\_\_\_ Lukman Hakim.

A ialah

B oleh

C demi

D adalah

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



2 Hadiah-hadiah itu \_\_\_\_\_ untuk para pemenang Larian Merentas Desa 2020.

A akan

B demi

C ialah

D adalah

3 Perdana Menteri yang diberi gelaran Bapa Kemerdekaan \_\_\_\_\_ Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj.

A adalah

B daripada

C ialah

D akan

4 Murid baharu itu \_\_\_\_\_ anak Cikgu Latifah.

A adalah

B ialah

C dari

D antara

5 Ketupat \_\_\_\_\_ hidangan istimewa semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri.

A ialah

B adalah

C akan

D demi

**Soalan 6-10**

**B** Isi tempat kosong dengan kata pemeri yang sesuai.

|        |       |
|--------|-------|
| adalah | ialah |
|--------|-------|

- 6 Gasing \_\_\_\_\_ antara permainan tradisional masyarakat Melayu.
- 7 Olahragawan 2020 di Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Nilam \_\_\_\_\_ Aizat.
- 8 Hadiah-hadiah ini \_\_\_\_\_ untuk para pemenang pertandingan mewarna.
- 9 Guru yang akan berpindah \_\_\_\_\_ Puan Jamilah.
- 10 Kutipan derma \_\_\_\_\_ untuk membantu mangsa-mangsa banjir.